

MENGAPA PILIHANRAYA 22 APRIL?



● DATUK SERI DR MAHATHIR

MENGAPAKAH pilihanraya kali ini berlangsung 22 April? Persoalan itu agak menarik perhatian umum di seluruh negara yang kini kebentukannya diserang demam pilihanraya yang memuncak.

Kalendar menunjukkan tarikh pilihanraya yang diumumkan itu jatuh pada hari Khamis. Artinya keputusan pilihanraya di seluruh negara akan diketahui pada lewat malam Jumaat.

Menurut pendapat umum, inilah pertama kali dalam sejarah pilihanraya diadakan pada hari Khamis. Biasanya pada hari Sabtu.

Perbezaan tarikh dan hari pilihanraya umum kali ini kebentukannya di bawah pimpinan dua tokoh popular — M Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa barangkali sudah dirancang dengan begitu teliti dan terperinci.

Kematangan

Hanya mereka berdua sahaja atau tokoh-tokoh penting yang lain mengolah hikmah perbezaan tarikh dan hari pilihanraya itu.

Tetapi pada hakikatnya, ramalan jujum pilihanraya mengelaskan tarikh pilihanraya pada 17 atau 24 April di mana semuanya meleset. Tepatlah seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam sedikit hari lalu "spekulasi tarikh pilihanraya semuanya tidak tepat."

Meskipun tidak tepat, tetapi ramalan itu hampir juga dengan tarikh yang dinantikan dengan dada yang penub debar.

Tekanan rakyat yang hampir tepat dengan pengumuman tarikh pilihanraya itu sebenarnya menunjukkan betapa kematangan dan minat mereka dalam pilihanraya umum kali ini yang disifatkan oleh pemerhati politik di dalam dan luar negeri sebagai ujian kepada kepimpinan baru (2M) kali ini.

Dalam hanya setahun jagung memberi pimpinan. Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa memperolehi mutu perkhidmatan yang cemerlang dan berjaya



● IMBASAN kembali 1978...pembangunan undi membawa kemenangan besar kepada Barisan Nasional.

Oleh ZAINAL A

menarik perhatian rakyat dari semua bangsa. Approach yang digunakan oleh kedua pemimpin itu tidak sahaja menarik perhatian rakyat di negara ini malah juga dari luar negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir lebih mementingkan pimpinan yang berah, cekap dan amanah. Manamana mereka yang tidak amanah tidak akan mendapatkan tempat di bawah pimpinan beliau. Ini sudah pasti tiada maaf lagi.

Panduan

Hanya mereka yang mengamalkan sikap di luar tiga garis panduan yang ditekankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu sahaja barangkali teras diri mereka teragut. Dan mereka yang sedia mengamalkan tiga garis panduan yang popular itu tentulah merasa lebih yakin dan bersemangat pula untuk meneruskan perkhidmatan mereka demi kepentingan rakyat.

Tiga garis panduan itu sebenarnya menurut pemerhati politik mahu dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dengan sebaik-baiknya. Dan garis panduan

ini juga sebenarnya menarik perhatian rakyat kini dari semua peringkat hingga menjadi tajuk perbincangan yang baru.

Menurut mereka tiga garis panduan yang keramat itu adalah asas utama bagi menjalin politik negara untuk membawa lebih banyak kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat jelata seluruhnya.

Kami mengharapkan garis panduan yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir itu dapat diteruskan. Kata seorang penduduk di sini.

Tanpa garis panduan tersebut menurutnya kepincangan akan berlaku dan ini pasti tidak akan membawa keuntungan kepada rakyat tetapi hanya segelintir mereka yang mempunyai kesempatan untuk mengaut keuntungan secara tidak amanah.

"Kami sokong saranan Ikhlas Perdana Menteri mempastikan tiga garis panduan itu dijalankan dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beberapa orang yang diwawancara mengonai tiga garis panduan yang popular itu menyatakan "kami menghargai saranan Datuk Seri Dr

Mahathir untuk kesejahteraan rakyat yang mahukan jentera kerajaan sentiasa berah, cekap dan amanah."

"Dalam hal ini pula beliau tidak pilih bangsa atau pangkat," ujar seorang yang ditemui.

Pemerhati berkata, garis panduan itu dapat menarik perhatian rakyat untuk menyokong perancangan kerajaan untuk rakyat.

Isu utama

Pemerhati berkata, isu tersebut sukar dipatahkan oleh pembangkang dalam kempen pilihanraya kali ini. Terutama kerana sahaja sering disuarakan oleh bekas pimpinan kerajaan yang ada sekarang malah dipraktikkan juga.

Pilihanraya kali ini sebenarnya ujian kepada kepimpinan tokoh baru (2M) untuk mendapat mandat dari rakyat jelata.

Tetapi pada hakikatnya setakat ini prestasi dari kepimpinan mereka berjaya mempengaruhi rakyat yang berfikir matang.

Dan mereka sudah pasti akan menggunakan kematangan tersebut bagi memilih pimpinan yang berah, cekap dan amanah pada 22 April depan.

Bahan asal dari Arkit Negara Malaysia



● HARI penamaan calon pilihanraya 1978. Apakah pilihanraya kali ini memberi kemenangan